

Sedunia raikan keseronokan membaca

Program Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia anjuran Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) meraikan keseronokan membaca dan menghargai buku itu sendiri.

Sambutan pada 23 April setiap tahun ini, mengiktiraf semua jenis buku yang disifatkan sebagai pautan antara hari ini dengan masa silam, jambatan antara generasi dan merentas budaya.

Pada acara itu, UNESCO dan organisasi antarabangsa yang mewakili tiga sektor utama industri buku, iaitu penerbit, penjual buku dan perpustakaan memilih Ibu Kota Buku Dunia.

Setiap kota terpilih akan memegang gelaran itu selama setahun dan melalui inisiatifnya akan menjadi dorongan kepada keraian Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia.

Tarikh 23 April tidak dipilih sembarono sebaliknya ia mempunyai signifikan sendiri dalam dunia kesusasteraan. Simboliknya, pada tarikh itu beberapa pengarang ternama seperti William Shakespeare, Miguel Cervantes dan Inca Garcilaso de la Vega meninggal dunia.

Tarikh itu dipilih Persidangan Umum UNESCO yang berlangsung di Paris pada 1995 sebagai hari untuk menghargai buku dan pengarang.

Pembabitan aktif semua pemegang taruh, iaitu pengarang, penerbit, guru, pustakawan, media dan masyarakat awam akan memastikan program itu berjaya menghimpunkan jutaan manusia di seluruh dunia.

Ibu Kota Buku Dunia UNESCO

Setiap tahun, UNESCO mengadakan perbincangan dengan delegasi Persatuan Penerbit Antarabangsa dan Pertubuhan Persekutuan Perpustakaan Antarabangsa (IFLA) untuk pengaguran Ibu Kota Buku Dunia kepada sesebuah bandar raya.

Kota terpilih akan memegang gelaran itu selama setahun bermula 23 April yang juga Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia UNESCO hingga 22 April tahun berikutnya.

Dalam tempoh setahun, kota terpilih akan menganjur dan mengendalikan sejumlah besar acara buku, kesusasteraan dan pembacaan.

Program itu berupaya menyatukan pemain industri buku tempatan dan antarabangsa, selain meletakkan buku dan budayanya dalam perhatian orang ramai, sekali gus menarik penajaan dan pembiayaan untuk institusi berkaitan buku.

Ia juga akan menimbulkan kesedaran literasi dan isu berkaitan membaca, perpustakaan serta kedai buku, selain menonjolkan manfaat keseluruhan budaya buku yang meriah.

Gelaran Ibu Kota Buku Dunia juga boleh digunakan untuk mempromosi pelancongan dan menarik perhatian bukan hanya khalayak tempatan, bahkan masyarakat antarabangsa untuk melawat warisan kesusasteraan kota terpilih khasnya dan negara amnya.

Enam tahun selepas pelancaran program Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia, Persatuan Penerbit Antarabangsa (IPA) tampil dengan idea diinspirasi kejayaan Madrid, untuk mencalonkan sebuah bandar bagi mempromosi buku.

Susulan idea IPA dan cadangan Kerajaan Sepanyol yang disokong beberapa negara lain, Persidangan Umum UNESCO pada 2 November 2001 memutuskan organisasi itu akan memberikan sokongan moral dan intelektual kepada konsep dan pelaksanaan program Ibu Kota Buku Dunia dengan menjemput organisasi buku profesional antarabangsa.

Susulan hebohan awam untuk pencalonan, jawatankuasa penasihat yang dibentuk IPA, IFLA dan UNESCO bertemu bagi melantik Ibu Kota Buku Dunia.

Pertemuan itu menyenaraikan pendek tiga kota pada peringkat akhir sebelum satu nama dipilih untuk dicadangkan kepada Ketua Pengarah UNESCO untuk dinobatkan.

Senarai Ibu Kota Buku Dunia

2001 - Madrid, Sepanyol
2002 - Iskandariah, Mesir
2003 - New Delhi, India
2004 - Antwerp, Belgium
2005 - Montreal, Kanada
2006 - Turin, Itali

2007 - Bogota, Colombia
2008 - Amsterdam, Belanda
2009 - Beirut, Lubnan
2010 - Ljubljana, Slovenia
2011 - Buenos Aires, Argentina
2012 - Yerevan, Armenia

2013 - Bangkok, Thailand
2014 - Port Harcourt, Nigelia
2015 - Incheon, Korea Selatan
2016 - Wroclaw, Poland
2017 - Conakry, Republik Guinea
2018 - Athens, Greece

2019 - Sharjah, Emiriah Arab Bersatu (UAE)
2020
**KUALA LUMPUR,
MALAYSIA**



Kuala Lumpur, Ibu Kota Buku Dunia 2020

Kuala Lumpur dinamakan sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020 oleh Ketua Pengarah UNESCO, Audrey Azoulay atas saranan Jawatankuasa Penasihat Ibu Kota Buku Dunia.

Ibu kota ini dipilih kerana fokus tinggi terhadap pendidikan inklusif dan pembangunan masyarakat berdasarkan pengetahuan dan kebolehcapaian membaca kepada segenap populasi.

Dengan slogan KL Baca - Caring Through Reading, program menumpukan empat tema, iaitu membaca dalam semua bentuk, pembangunan infrastruktur industri buku, inklusif dan akses digital dan pemberdayaan kanak-kanak melalui membaca.

Antara acara dan aktiviti dianjurkan ialah pembinaan kota buku (Kompleks Kota Buku), kempen membaca kepada pengguna tren, peningkatan perkhidmatan dan capaian digital oleh Perpustakaan Negara Malaysia untuk orang kelainan upaya serta perkhidmatan digital baharu kepada 12 perpustakaan di kawasan perumahan kos rendah.

Objektif bandar itu adalah untuk memupuk budaya membaca dan inklusif - bandar yang membawa ialah bandar yang prihatin - ia menekankan capaian buku di segenap pelosok bandar.

Program bercita-cita tinggi berkait dengan Wawasan 2020 dan projek eko-bandar yang dinamakan River of Life dengan kedai buku terbuka dan perpustakaan mengisi laluan air yang baru dipulihara.

Ia akan diraikan selama setahun bermula 23 April ini, iaitu Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia.